

# Perhotelan perlu sedia khidmat cemerlang

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kenaikan tarif dalam sektor perhotelan yang semata-mata bertujuan untuk mendapatkan keuntungan lebih dalam jangka pendek akan menyebabkan kerugian jika ia tidak diiringi mutu perkhidmatan yang lebih baik.

Beliau berkata, industri perhotelan, industri baru yang sedang pesat berkembang, mesti menyediakan perkhidmatan cemerlang kerana hotel ialah tumpuan pelancong bagi penginapan, makanan dan pelbagai kegiatan sampingan yang lain.

Pertumbuhan yang begitu pesat dalam industri pelancongan semenjak beberapa tahun ini sudah menjadikan pelancongan sebagai satu industri antarabangsa yang besar dan berpotensi.

Berucap di upacara penyampaian Anugerah Kecemerlangan Industri 1990 di Kuala Lumpur malam semalam, Perdana Menteri berkata, dalam jangka masa sembilan bulan pertama tahun ini, 5.8 juta pelancong melawat negara ini.

"Jumlah itu adalah jauh lebih tinggi daripada jangkaan 4.3 juta pelawat untuk sepanjang 1990," katanya.

Perdana Menteri berkata, sektor pembuatan, industri termaju sekali di segi pertumbuhan, menyumbangkan kira-kira 25 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar dan 54 peratus kepada hasil eksport negara.

Katanya, faktor utama ke arah kejayaan bagi sektor pembuatan ialah daya usaha mengeluarkan barangan bermutu yang dapat memenuhi kemampuan, kehendak dan citarasa pengguna secara keseluruhan.

"Pekilang-pekilang perlu mengambil kira keperluan untuk menggunakan bahan mentah dan komponen tempatan, teknologi terbaru, serta mencipta reka bentuk yang lebih baik, bagi memperbaiki keluaran masing-masing," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Malaysia kaya dengan sumber aslinya dan terdapat kemungkinan yang luas untuk meningkatkan penggunaan bahan-bahan tempatan.

Katanya bagaimanapun, mutu tinggi tidak boleh diabaikan dalam usaha mempertingkatkan kegunaan bahan tempatan.

"Tetapi, dengan usaha yang bersungguh-sungguh tidak ada sebab mengapa penggunaan bahan tempatan harus mengurangkan mutu," katanya.

Beliau berkata, pembangunan barangan menjadi faktor penting di dalam usaha kita untuk mempelbagaikan keluaran serta memperluaskan pasaran eksport.

Katanya, setiap individu pada setiap masa, sama ada daripada pihak pengurusan atau pihak pekerja, mesti memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi.

"Masyarakat yang

mengutamakan kecemerlangan lebih berkeungkinan menjadi masyarakat yang berjaya dan dihormati," katanya.

Perdana Menteri berkata, pihak pengurusan perlu memahami betapa pentingnya kos dalam setiap usaha. Kecemerlangan yang dicapai dengan kos yang terlalu tinggi sehingga khidmat atau barangan itu tidak berupaya bersaing, tidak bermakna kecemerlangan yang sebenar.

Beliau menegaskan bahawa kawalan kos yang baik juga adalah satu daripada unsur kecemerlangan.

Mengenai pencapaian ekonomi Malaysia, Perdana Menteri berkata, Malaysia dijangka mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 9.2 peratus atau tiga kali ganda berbanding kadar pertumbuhan dunia yang sebanyak 2.9 peratus.

Dalam perdagangan antarabangsa pula, eksport negara meningkat sebanyak 23 peratus pada 1989 berbanding sebelumnya.

Katanya, pada tahun ini, eksport negara dijangka mengatasi rekod yang dicapai pada tahun lalu.

Bagi pelaburan asing pula, Malaysia berjaya menarik sejumlah \$21,200 juta dalam sembilan bulan pertama tahun ini.

"Pencapaian ini bukan kerana nasib kita yang baik, tetapi lebih disebabkan oleh dasar dan kerja kuat serta usaha ke arah kecemerlangan yang sudah sama-sama kita usahakan selama ini," katanya.